

# UMP raikan bulan merdeka berkonsep semarak Ramadan

BH (Varsiti) Khamis 2/9/10 ms 8

Oleh Mimi Rabita Abdul Wahit  
bhvarsiti@bharian.com.my

**S**AMBUTAN bulan kemerdekaan serentak ketika umat Islam menjalani ibadat puasa tetap diraikan warga Universiti Malaysia Pahang (UMP) secara sederhana dan penuh penghayatan.

Pelbagai acara diadakan sempena sambutan kemerdekaan Malaysia kali ke-53 bertema '1 Malaysia Menjana Transformasi' tahun ini termasuk Hafazan, Tilawah al-Quran dan Pertandingan

Rumah Patriotik. Penguapan awam dan syarahan bertemakan kemerdekaan serta pertandingan video kemerdekaan juga memeriahkan sambutan.

Pengarah program, Talhah-Abdullah Amir, berkata aktiviti berkonsepkan semarak Ramadan menjadikan sambutan kemerdekaan tahun ini lebih dirasai dan disambut meriah tanpa mengira bangsa dan agama.

"Aktiviti bergotong-royong menghias pejabat dengan Jalur Gemilang dan menyediakan juadah

**“**Aktiviti bergotong-royong menghias pejabat dengan Jalur Gemilang dan menyediakan juadah berbuka puasa di kalangan warga kampus turut menyemarak sambutan bulan kemerdekaan ini tanpa mengira kepenatan berpuasa”

**Talhah-Abdullah Amir**  
Pengarah program



SEBAHAGIAN kakitangan UMP memeriahkan sambutan kemerdekaan dengan memasang Jalur Gemilang.

berbuka puasa di kalangan warga kampus turut menyemarak sambutan bulan kemerdekaan ini tanpa me-

ngira kepenatan berpuasa. "Program Ambang Kemerdekaan juga berlangsung meriah apabila Naib

Canselor UMP, Prof Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim hadir meraikannya bersama lebih 1,000 pelajar," katanya.